

**JPK/700/74 (2)**



**PANDUAN PENDAFTARAN PELATIH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN  
MALAYSIA MELALUI SISTEM PENTAULIAHAN  
2012**

**JPK PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,  
MALAYSIA.**

**1 April 2012**

## ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN .....	2
TAFSIRAN.....	3
SENARAI KEPENDEKAN .....	4
1.0 PENDAHULUAN .....	5
2.0 OBJEKTIF .....	5
3.0 TARIKH KUATKUASA .....	5
4.0 PENDAFTARAN.....	6
4.1 SYARAT-SYARAT UMUM .....	6
4.2 PENDAFTARAN PELATIH SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI PUSAT BERTAULIAH .....	7
4.3 PENDAFTARAN PELATIH BAGI PROGRAM YANG MENGIKUT TAHAP .....	9
4.4 PENDAFTARAN PELATIH BAGI PROGRAM <i>SINGLE TIER</i> .....	9
4.5 PENDAFTARAN PELATIH ULANG NILAI.....	9
4.6 PENDAFTARAN PELATIH BAGI PUSAT BERTAULIAH YANG BERPINDAH.....	10
4.7 PENDAFTARAN PELATIH BAGI PUSAT BERTAULIAH YANG TUKAR NAMA PUSAT BERTAULIAH.....	10
4.8 PUSAT BERTAULIAH MOHON UNTUK DITAMATKAN ATAU DITAMATKAN PENTAULIAHAN.....	10

## TAFSIRAN

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

“**Akta 652**” ertinya Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652];

“**Ketua Pengarah**” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;

“**pelatih**” ertinya seseorang yang mendaftar untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“**pentauliahan**” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“**program**” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard;

“**pusat bertauliah**” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“**Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard-NOSS*)**” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;

## SENARAI KEPENDEKAN

JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
NOSS	-	<i>National Occupational Skill Standard</i>
PB	-	Pusat Bertauliah
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia

**PANDUAN PENDAFTARAN PELATIH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN  
MALAYSIA MELALUI SISTEM PENTAULIAHAN  
2012**

**1.0 PENDAHULUAN**

Panduan ini adalah merupakan syarat-syarat persijilan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan hendaklah dibaca bersama Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliah Pusat Bertauliah di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan 2012.

**2.0 OBJEKTIF**

Memberi panduan kepada Pusat Bertauliah (PB) di bawah sistem pentauliah untuk mendaftarkan calon kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

**3.0 TARIKH KUATKUASA**

Panduan pendaftaran pelatih Sijil Kemahiran Malaysia melalui pusat bertauliah di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia ini mula berkuatkuasa pada 1 April 2012 di semua PB.

## 4.0 PENDAFTARAN

### 4.1 SYARAT-SYARAT UMUM

- 4.1.1 Pelatih boleh menjalani latihan secara sepenuh masa atau separuh masa di PB mengikut tempoh latihan yang diluluskan oleh JPK.
- 4.1.2 Kriteria pelatih
  - 4.1.2.1 Kelayakan pelatih memenuhi kepada keperluan NOSS; dan
  - 4.1.2.2 Memenuhi syarat-syarat atau terma kelayakan yang ditetapkan oleh PB.
- 4.1.3 Pelatih sepenuh masa hanya dibenarkan berdaftar dengan satu (1) PB dan satu (1) program dalam satu-satu masa.
- 4.1.4 Pelatih separuh masa dibenarkan berdaftar dengan mana-mana PB dan dua (2) program dalam satu-satu masa.
- 4.1.5 PB hanya dibenarkan mengambil jumlah pelatih berdasarkan kepada kelulusan JPK.
- 4.1.6 Permohonan pendaftaran yang tidak lengkap, tidak akan diproses.
- 4.1.7 Kadar fi bagi pendaftaran berjumlah RM 100.00 **per tahap bagi setiap pelatih.**
- 4.1.8 Bagi pelatih bukan warganegara, kadar fi bagi pendaftaran berjumlah RM 200.00 **per tahap bagi setiap pelatih.**

4.1.9 PB perlu mendaftarkan pelatih dengan JPK selewat-lewatnya dua (2) bulan dari tarikh pendaftaran pelatih di PB beserta bayaran pendaftaran.

4.1.10 Pelatih dianggap tidak berdaftar dengan JPK sekiranya pendaftaran tidak dibuat sepanjang tempoh latihan.

## **4.2 PENDAFTARAN PELATIH SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI PUSAT BERTAULIAH**

4.2.1 Pelatih disahkan berdaftar dengan Jabatan setelah bayaran pendaftaran diselesaikan.

4.2.2 Permohonan pembatalan pendaftaran bagi pelatih yang telah sah berdaftar:-

4.2.2.1 Permohonan pembatalan pelatih bolehlah dilakukan oleh PB atau pelatih dengan menggunakan borang permohonan yang disediakan.

4.2.2.2 Bayaran pendaftaran tidak akan dikembalikan sekiranya pelatih tidak menamatkan latihan dalam tempoh latihan yang ditetapkan.

4.2.2.3 Bayaran pendaftaran pelatih yang dibatalkan tidak boleh diganti dengan pelatih yang lain.

4.2.3 Permohonan pindaan maklumat pelatih setelah pendaftaran disahkan.

4.2.3.1 Permohonan pindaan maklumat pelatih (nama, nombor kad pengenalan) hanya boleh dibuat oleh PB yang mendaftarkan pelatih tersebut secara bertulis kepada JPK untuk mendapatkan kelulusan.

4.2.3.2 Permohonan pindaan program:-

- 4.2.3.2.1 Pusat perlu memohon bagi membatalkan pelatih tersebut.
- 4.2.3.2.2 Pelatih perlu didaftarkan dan mengemukakan bayaran pendaftaran baru. Manakala bayaran pendaftaran dahulu tidak akan dikembalikan.
- 4.2.3.2.3 Tempoh latihan baru hendaklah bermula dari permohonan pendaftaran baru.

4.2.4 Permohonan pelatih berpindah PB setelah pendaftaran disahkan.

4.2.4.1 Permohonan hendaklah dilakukan seperti berikut:-

- 4.2.4.1.1 Pelatih perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis dari PB lama untuk didaftarkan di PB baru.
- 4.2.4.1.2 Pemindahan pelatih daripada PB lama ke PB baru maka bayaran pendaftaran di PB lama terbatal dan tidak dikembalikan.
- 4.2.4.1.3 PB baru perlu mendaftarkan semula dengan mengemukakan bayaran pendaftaran baru.
- 4.2.4.1.4 Tempoh latihan di PB baru hendaklah bermula dari permohonan pendaftaran yang baru.

4.2.5 Permohonan pelatih bagi penangguhan latihan.

4.2.5.1 Permohonan hendaklah dilakukan seperti berikut:-

- 4.2.5.1.1 PB perlu mengemukakan permohonan penangguhan latihan secara bertulis dengan mengemukakan sebab penangguhan latihan tersebut.
- 4.2.5.1.2 Tempoh maksimum penangguhan yang dibenarkan adalah enam (6) bulan dan ianya bermula dari tarikh kelulusan penangguhan tersebut oleh JPK.



### **4.3 PENDAFTARAN PELATIH BAGI PROGRAM YANG MENGIKUT TAHAP**

4.3.1 Pendaftaran pelatih bagi program yang mengikut tahap adalah seperti di Perkara 4.2.

### **4.4 PENDAFTARAN PELATIH BAGI PROGRAM *SINGLE TIER***

4.4.1 Pendaftaran pelatih bagi program *single tier* adalah merujuk kepada program tahap yang tertinggi yang diikuti.

4.4.2 Kadar fi bagi pendaftaran program *single tier* berjumlah RM 100.00 **bagi setiap pelatih.**

4.4.3 Bagi pelatih bukan warganegara, kadar fi bagi pendaftaran program *single tier* berjumlah RM 200.00 **bagi setiap pelatih.**

### **4.5 PENDAFTARAN PELATIH ULANG NILAI**

4.5.1 Peperiksaan ulangan dibenarkan dan perlu dijalankan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh keputusan penilaian.

4.5.2 Bayaran pendaftaran pelatih ulang nilai RM 100.00 bagi mana-mana komponen penilaian yang gagal.

4.5.3 Bagi pelatih bukan warganegara bayaran pendaftaran ulang nilai RM 200.00 bagi mana-mana komponen penilaian yang gagal.

4.5.4 Bayaran pendaftaran pelatih ulang nilai hendaklah dibuat dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh keputusan penilaian PPL. Sekiranya pelatih ini gagal ulang nilai dalam tempoh satu (1) tahun maka perlu berdaftar semula dengan bayaran baru dan mengikuti tempoh latihan semula.

#### **4.6 PENDAFTARAN PELATIH BAGI PUSAT BERTAULIAH YANG BERPINDAH.**

4.6.1 Semua pelatih yang berdaftar dikekalkan mengikut rekod pendaftaran sedia ada.

4.6.2 PB hendaklah bertanggungjawab menyelesaikan latihan dan persijilan pelatih sedia ada di tempat baru.

#### **4.7 PENDAFTARAN PELATIH BAGI PUSAT BERTAULIAH YANG TUKAR NAMA PUSAT BERTAULIAH.**

4.7.1 Semua pelatih yang berdaftar dikekalkan mengikut rekod pendaftaran sedia ada.

4.7.2 Persijilan pelatih akan menggunakan maklumat PB baru.

#### **4.8 PUSAT BERTAULIAH MOHON UNTUK DITAMATKAN ATAU DITAMATKAN PENTAULIAHAN.**

4.8.1 PB hendaklah menyelesaikan semua urusan latihan dan persijilan pelatih bagi yang telah didaftarkan dengan JPK.

4.8.2 Tiada pengambilan dan pendaftaran baru dibenarkan.